bab lapan

pusat kewangan luar pesisir antarabangsa labuan

Latar belakang

Labuan telah diisytiharkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) pada Oktober 1990 untuk melengkapkan aktiviti pasaran kewangan domestik di Kuala Lumpur dan mengukuhkan sumbangan perkhidmatan kewangan kepada Keluaran Negara Kasar Malaysia, di samping memajukan pulau tersebut serta kawasan sekitarnya.

Sistem perundangan dan pengawalan yang dirumus khas berdasarkan, terutamanya, pengalaman IOFC lain di seluruh dunia, menyediakan rangka kerja perundangan untuk perniagaan di Labuan.

Dengan sistem cukai yang fleksibel dan menarik serta kos penubuhan dan operasi yang rendah, rangka kerja tersebut telah berjaya menarik lebih banyak perniagaan antarabangsa untuk berpengkalan di Labuan. Bilangannya yang besar ini termasuklah 60 bank utama dunia, 78 syarikat insurans dan berkaitan insurans serta 20 syarikat amanah. Institusi-institusi ini menjalankan perniagaan-perniagaan teras IOFC.

Yang pentingnya ialah peserta-peserta di IOFC datang dari pelbagai negara, sekali gus mencerminkan peningkatan perhatian global serta penerimaan dan pengiktirafan terhadap Labuan sebagai pusat kewangan operasi yang menarik, berdaya maju dan menjimatkan kos.

IOFC beroperasi dalam pasaran yang cepat berubah dan suasana persaingan yang semakin meningkat. Persekitaran dan peraturan perniagaannya sentiasa mengalami proses evolusi supaya lebih 'mesra perniagaan'. Dengan kemajuan pesat teknologi maklumat, strategi perniagaan kini sedang mengalami perubahan dan faktor lokasi tidak lagi menjadi faktor penentu utama.

Kemampuan IOFC untuk terus kekal berdaya saing banyak bergantung kepada sifat inovatifnya serta faktor kecekapan dan keupayaannya mengikut kehendak pasaran. Labuan IOFC dan para pesertanya mestilah sentiasa berpandang ke hadapan dan tangkas di dalam iklim kewangan masa kini, di samping sentiasa memperkenalkan kaedah dan teknologi perniagaan yang baru seperti saluran hantaran yang cekap. Yang pentingnya, bagi mencerahkan peluang IOFC untuk terus maju, kerjasama erat dan perkongsian bistari di antara pihak kerajaan dan swasta perlu dipupuk untuk merangsang kemajuan seterusnya.

Meskipun rangka kerja perundangan IOFC dianggap menarik dan berorientasikan pasaran, ianya telah diseimbangkan dengan keperluan berhemat selaras dengan standard dan amalan pengawalseliaan antarabangsa. Rejim pengawalseliaan tersebut memberi penekanan kuat kepada pemeliharaan martabatnya sebagai sebuah pusat kewangan yang disegani, bersih daripada gejala aktiviti-aktiviti yang tidak diingini.

Di peringkat awal penubuhan Labuan IOFC, strategi utamanya ialah mencapai saiz kritikal dengan menarik lebih banyak peserta terbaik dan berkualiti yang dapat menyediakan perkhidmatan dan produk kepada pelabur yang melabur di rantau ini. Peserta yang berkualiti dan bereputasi tinggi adalah penting dalam usaha membentuk sebuah pusat kewangan luar pesisir yang aktif dan bersih di Labuan. Dengan tercapainya matlamat ini, pendekatan berikutnya ialah menambah kekuatan dan kepakaran para peserta yang sedia ada, menggalakkan perluasan skop dan kepelbagaian perkhidmatan dan produk secara proaktif.

Usaha untuk menarik lebih banyak peserta ke Labuan akan diteruskan. Pertambahan bilangan peserta selain daripada bank, syarikat insurans, syarikat amanah dan institusi Islam adalah berupa penyedia perkhidmatan sokongan lain seperti firma guaman dan perakaunan. Ini juga adalah perlu untuk menjana perkembangan aktiviti-aktiviti ekonomi selanjutnya di pulau ini. Dalam menarik peserta baru ke Labuan, kumpulan sasar perlu dikenal pasti. Walau bagaimanapun, pembangunan Labuan keseluruhannya tidak seharusnya bergantung kepada industri perkhidmatan kewangan luar pesisir semata-mata. Labuan perlu berusaha memajukan industri-industri pelengkap lain seperti pelancongan, pembuatan dan pendidikan.

Visi dan Objektif

IOFC di masa hadapan bukan sekadar berkembang maju atas sebab perkhidmatan kewangan luar pesisir semata-mata, tetapi merupakan sebuah pusat kewangan yang turut dibangunkan secara holistik untuk menyokong pembangunan pulau ini, dan memainkan peranan yang berkesan dalam melengkapkan pasaran kewangan domestik. Beberapa bidang telah dikenal pasti untuk dimajukan di IOFC. Ini merangkumi usaha untuk meningkatkan perniagaan perbankan Islam dengan penubuhan pasaran kewangan Islam antarabangsa, serta memajukan sektor perbankan dan insurans agar menjadi pusat serantau yang penting, sambil menerajui perniagaan takaful semula. Saranan untuk menubuhkan

bursa kewangan dan kemudahan perdagangan elektronik telahpun dilaksanakan. Pembangunan Labuan sebagai pusat mesyuarat dan persidangan serta pelancongan juga dipertingkatkan dalam usaha mempromosikan Labuan sebagai sebuah IOFC.

Saranan

Saranan dibuat meliputi tiga bidang utama seperti berikut:

i. Menggalakkan dan mempelbagaikan para peserta dan aktiviti kewangan di IOFC selanjutnya;

ii. Mempergiatkan pembangunan perniagaan perbankan Islam dan takaful semula; dan

iii. Membangunkan dan mengukuhkan pasaran modal, e-dagang dan khidmat sampingan.

I. Menggalak dan Mempelbagaikan Pesertadan Aktiviti Kewangan di IOFC Selanjutnya

Saranan 8.1:

Membangunkan sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa yang aktif untuk Malaysia

Malaysia memerlukan sebuah pusat kewangan luar pesisir yang aktif yang mampu menyokong keperluan ekonomi domestik yang semakin meningkat. Sebagai contoh, pengembangan perniagaan tempatan di luar negara memerlukan rantaian perkhidmatan kewangan yang lengkap terdiri daripada nasihat mengenai syarikat yang dilabur, lokasi perniagaan hingga kepada pembiayaan projek dalam mata wang asing. Permintaan bantuan untuk mengatur swap kewangan dan penerbitan sekuriti hutang swasta kini sudahpun menjadi lebih berleluasa di dalam ekonomi Malaysia yang semakin maju. Institusi-institusi kewangan luar pesisir juga memberi persaingan kepada bank-bank dalam pesisir (*'onshore banks'*). Sehubungan itu, institusi-institusi kewangan luar pesisir memainkan peranan pelengkap yang penting di dalam sistem kewangan Malaysia. Langkah-langkah untuk memperkukuhkan kedudukan IOFC akan diteruskan seperti berikut:

- Bank-bank luar pesisir dan syarikat-syarikat insurans luar pesisir akan tetap kekal mempunyai hak peluang pertama untuk menawarkan perkhidmatan perniagaan luar pesisir yang diperlukan oleh golongan korporat, institusi-institusi kewangan dan Kerajaan Malaysia. Dalam pada itu, kehadiran entiti-entiti tersebut dijangka akan memberi impak kepada industri tempatan melalui penyediaan perkhidmatan dan produk yang berdaya saing dan cekap; dan

- Dalam mengurus peralihan ke arah persaingan antarabangsa yang dijangkakan akan meningkat berikutan liberalisasi pasaran kewangan Malaysia, keutamaan akan diberi kepada pesaing antarabangsa yang sudahpun berpengkalan di Labuan dan mempunyai kemahiran, tenaga kerja dan sistem yang ditempatkan di Malaysia. Ini akan dilaksanakan secara beransur-ansur, seperti yang dilakukan berhubung dengan peluang pinjaman dan pelaburan dalam ringgit, yang sudah terbuka kepada bank-bank luar pesisir Labuan.

Saranan 8.2:

Mengkaji semula peraturan dan pengawalseliaan yang sedia ada untuk memudahkan perkembangan skop perniagaan teras

Perniagaan baru akan diterokai dan dimajukan untuk memperluaskan skop perniagaan luar pesisir di IOFC. Sehubungan itu, kajian semula akan dibuat ke atas peraturan dan pengawalan sedia ada, yang disifatkan sebagai batu penghalang kemajuan dan perkembangan industri luar pesisir selanjutnya. Peruntukan perundangan juga perlu dikaji semula bagi memudahkan penubuhan perniagaan baru, dan pada masa yang sama, memberi peluang kepada penyedia perkhidmatan di luar pesisir memaksimumkan kebolehan dan kepakaran mereka untuk memperkembangkan perniagaan masing-masing. Bidang-bidang perniagaan baru yang boleh dipertimbangkan ialah:

- Penubuhan atau pendaftaran pelbagai jenis syarikat luar pesisir lain, yang boleh digunakan oleh pemastautin dan bukan pemastautin untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran dan operasi masing-masing. Ini termasuk syarikat luaran– syarikat yang ditubuhkan di suatu negara tetapi menjalankan perniagaan di negara lain, serta syarikat asing terurus– syarikat yang didaftarkan di luar IOFC tetapi ditadbir dari Labuan;

- Syarikat amanah di IOFC adalah merupakan syarikat domestik yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan tertakluk kepada peraturan dan cukai domestik. Status syarikat amanah Labuan perlu ditukar kepada syarikat luar pesisir untuk memudahkan mereka berurusan dan menggalakkan syarikat amanah asing menubuhkan operasi di Labuan. Kesan serta-merta pertambahan bilangan syarikat amanah di Labuan ialah dari segi peluang pekerjaan memandangkan syarikat amanah adalah lebih berintensifkan buruh berbanding dengan syarikat luar pesisir lain. Buat sementara ini, syarikat amanah di Labuan dibenar menguruskan syarikat amanah dari negara pentadbiran lain bagi membolehkan mereka memperkembangkan skop perniagaan masing-masing, di samping memaksimumkan kepakaran pentadbiran dan pengalaman yang terdapat di Labuan;

- Dalam bidang insurans, IOFC boleh dimajukan sebagai pusat inovasi untuk melahirkan produk dan perkhidmatan insurans yang baru dan canggih. Matlamat dasar pembangunan industri insurans luar pesisir di IOFC pada masa hadapan adalah termasuk usaha memajukan IOFC sebagai pusat yang aktif dalam insurans semula dan kaptif, termasuk perniagaan kaptif sewaan. Sehubungan itu, bilangan peserta, tahap pengetahuan dan kepakaran dalam industri insurans perlu dipertingkatkan;

- Peranan bank luar pesisir wajar dirasionalisasikan untuk melengkapkan aktiviti pasaran kewangan domestik sepenuhnya. Saiz kritikal yang telah dicapai dalam industri perbankan luar pesisir boleh dipertingkatkan dengan kemasukan lebih banyak lagi bank-bank luar pesisir, sama ada perbankan konvensional atau perbankan Islam. Institusi kewangan yang mempunyai rekod cemerlang, diberi penarafan yang baik oleh agensi penarafan yang bertauliah, dikawal selia oleh agensi pengawalseliaan yang berkenaan dan mematuhi standard amalan antarabangsa, akan dipelawa untuk menubuhkan operasi mereka di Labuan. Namun begitu, tiada tolak ansur diberi dalam soal kualiti dan kehematan, memandangkan kemasukan ke Labuan masih terhad kepada institusi yang teguh dan diurus dengan cekap; dan

- Memudahkan penubuhan pusat-pusat aktiviti perbendaharaan untuk syarikat-syarikat multinasional, dan institusi-institusi kewangan, khususnya untuk bank-bank luar pesisir.

Saranan 8.3:

Menerima pakai pendekatan yang berdasarkan perundingan dan berorientasikan pasaran untuk mewujudkan persekitaran perniagaan dan pencukaian yang memberangsangkan

IOFC tidak diilhamkan sebagai pusat perlindungan cukai. Persekitaran cukai yang memberangsangkan di IOFC melambangkan keberkesanannya dalam mengurangkan kos operasi bagi syarikat luar pesisir. Kajian semula dan taksiran yang berterusan ke atas struktur cukai akan dijalankan untuk memastikan Labuan terus berdaya saing dan menarik. Untuk mencapai matlamat ini, Majlis Penasihat Percukaian Labuan, sebuah badan penasihat yang dianggotai oleh pakar, pengamal dan penguatkuasa cukai telah ditubuhkan. Ia merupakan satu perkongsian bistari yang memaksimumkan manfaat kepakaran dan pengetahuan berhubung dengan percukaian untuk kemajuan IOFC.

Konsep perkongsian bistari ini akan juga diperluaskan supaya meliputi pembangunan perniagaan dan produk di Labuan. Satu Majlis Penasihat Perniagaan akan ditubuhkan, sama seperti Majlis Perundingan Labuan yang sedia ada. Peneraju industri dan individu yang berpengalaman akan dijemput untuk menganggotai majlis perniagaan tersebut.

Saranan 8.4:

Menanda aras dengan peserta terbaik bagi mengekalkan persekitaran kos operasi yang rendah

Untuk kekal berdaya saing, IOFC harus mengekalkan persekitaran kos operasi yang rendah yang dinikmati hari ini. Sehubungan itu, satu sistem tanda aras dengan pusat kewangan luar pesisir lain yang terkemuka di seluruh dunia dalam pelbagai bidang perniagaan akan diperkenalkan untuk memastikan IOFC mengekalkan daya saingnya, terutamanya dari segi penentuan harga dan kos menjalankan perniagaan. Kajian menunjukkan kos operasi di Labuan adalah satu pertiga daripada kos operasi pusat kewangan lain di rantau ini. Labuan seharusnya berusaha lebih giat untuk terus meningkatkan daya saingnya bagi menarik lebih banyak peserta dan pelabur.

Saranan 8.5:

Mewujudkan dasar pengawalan dan rangka kerja penyeliaan yang benar-benar seimbang

Pusat kewangan luar pesisir berada di bawah pemerhatian teliti oleh masyarakat antarabangsa berhubung dengan pematuhan standard pengawalan dan penyeliaan yang berhemat. Amalan penyeliaan dan sistem perundangan di IOFC adalah sejajar dengan piawaian antarabangsa. Walau bagaimanapun, ia perlu dinilai dan dipertingkatkan secara berterusan supaya selari dengan keperluan penyeliaan antarabangsa terkini. Pada masa yang sama, terdapat keperluan untuk membuat pengimbangan di antara persekitaran perniagaan yang memberangsangkan dan pengawalseliaan yang ketat. Struktur penyeliaan yang perlu telahpun diwujudkan di LOFSA untuk menjalankan pemeriksaan dalam premis demi memelihara martabat IOFC sebagai pusat luar pesisir yang bereputasi tinggi bagi merangsangkan peserta dan pelabur tulen. Di samping itu, rangka kerja perundangan mengenai pelaburan wang haram di Labuan sedang di peringkat akhir penyediaan, untuk mengelakkan IOFC daripada digunakan sebagai pusat kegiatan tersebut.

II. Mempergiatkan Pembangunan Perbankan Islam dan Perniagaan Takaful Semula

Saranan 8.6:

Memperkukuhkan perniagaan perbankan dan kewangan Islam serta insurans Islam (takaful)

Asas perbankan dan kewangan Islam serta takaful yang sememangnya kukuh di Malaysia menyediakan satu platform untuk membolehkan Labuan dimajukan lagi dengan fokus strategi yang menjurus kepada produk dan perkhidmatan berasaskan Islam. Di samping itu, minat terhadap perkhidmatan dan produk kewangan berdasarkan Syariah di pasaran kewangan global semakin meningkat. Peluang untuk memajukan 'pasaran celah' dalam perbankan dan kewangan Islam serta takaful semula boleh dapat dilaksanakan melalui inisiatif-inisiatif berikut:

- **Pembangunan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (IIFM)**
  Dengan pertumbuhan pesat dana Islam dan kebangkitan minat terhadap pembiayaan dan pelaburan secara Islam di peringkat global memberikan asas yang kukuh untuk membangunkan pasaran kewangan Islam yang lebih meluas, mendalam dan mudah tunai. Ini membolehkan syarikat, pelabur dan pengantara menikmati manfaat mudah tunai dan penentuan harga yang sama seperti yang dinikmati oleh peserta konvensional di pasaran konvensional. Ia merupakan penyumbang utama ke arah pembangunan kewangan Islam di peringkat global dan prasyarat perlu bagi membolehkan sistem kewangan Islam bersaing dengan sistem konvensional. Di samping itu, ia ternyata merupakan pendorong utama ke arah meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kestabilan sektor perbankan Islam yang kian menyerlah di Malaysia.
  Apabila IIFM dibangunkan sepenuhnya kelak (yang merangkumi pasaran wang dan modal), ia boleh menyumbangkan sinergi dalam menambahkan kefleksibelan dan keperluan pengurusan risiko bagi pembiayaan Islam domestik.

- **Penubuhan Majlis Penasihat Syariah (SAC) untuk pasaran kewangan yang bersifat konsultatif**
  Langkah ini bertujuan untuk memberi input ke arah pembangunan perbankan dan kewangan Islam serta takaful di Labuan. Sebagai pelopor pasaran Islam, Labuan mempunyai peranan penting untuk menetapkan standard dan peraturan yang diperlukan untuk memastikan aktiviti pasaran berjalan lancar. Ia memberi kelebihan dari segi penggerak pertama dalam membina saiz kritikal peserta pasaran dan menobatkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam, dengan manfaat sampingan kepada ekonomi negara. Untuk memastikan SAC berwibawa dan diterima oleh masyarakat kewangan antarabangsa, ia akan dianggotai oleh tokoh-tokoh antarabangsa, ulama-ulama dan pengamal-pengamal perbankan Islam yang bertauliah dan berpengalaman luas.

- **Meningkatkan bilangan peserta berasaskan Islam di IOFC**
  Untuk membangunkan 'pasaran celah' secara Islam di Labuan dengan membina saiz kritikal dalam bentuk bilangan peserta yang ramai dan instrumen kewangan Islam yang pelbagai, institusi kewangan dan pengusaha takaful yang berminat akan dipelawa untuk menubuhkan operasi berasaskan Islam di IOFC Labuan sebagai peserta IIFM. Khususnya, institusi Islam dari Timur Tengah akan digalakkan bertapak di Labuan. Dari segi instrumen Islam, pihak Kerajaan

dan syarikat gergasi Malaysia akan digalakkan untuk memanfaatkan peluang pasaran pelaburan yang diwujudkan oleh IIFM dengan menerbitkan instrumen kewangan Islam.

- **IOFC akan membangunkan perniagaan takaful semula yang mempunyai kapasiti dan jangkauan global**
  Kemajuan perniagaan takaful dan kepakaran Malaysia dalam membangunkan produk insurans berasaskan Islam telah mempertingkatkan momentumnya. Di peringkat global, terdapat kurang daripada 40 pengusaha takaful/takaful semula, kebanyakannya beroperasi di Arab Saudi dan Sudan. Anggaran menunjukkan sektor takaful akan meningkat sebanyak 25%-40% setiap tahun. Di samping itu, pada masa ini belum ada lagi perniagaan insurans semula di dunia yang bersifat betul-betul Islam. Justeru, perniagaan takaful semula merupakan bidang perniagaan utama yang berpotensi untuk dimajukan di Labuan. Oleh itu, peluang adalah terbuka bagi Malaysia menguasai perniagaan takaful semula di peringkat global dalam jangka panjang, dengan Labuan sebagai domisilnya.

III. Membangun dan Memperkukuhkan Pasaran Modal, E-Dagang dan Aktiviti Sampingan

Saranan 8.7:

Mempertingkatkan Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX)

LFX, yang telah dilancarkan dengan rasminya pada 23 November 2000, adalah bursa global yang menyediakan kemudahan penyenaraian dan perdagangan bagi produk kewangan dan bukan kewangan (termasuk produk berasaskan Islam), seperti dana bersama, bon, derivatif, produk berkaitan insurans dan mungkin meliputi harta benda intelektual. Peluang sudah terbuka luas bagi peserta luar pesisir di LFX. Selain menjadi penaja penyenaraian dan ejen urus niaga, mereka berpeluang menyediakan perkhidmatan penjagaan, depositori, penjelasan dan pemegang amanah. LFX akan menjadi bursa utama memandangkan ia mempunyai banyak kelebihan termasuk sebagai bursa kewangan serenti, penggunaan multimedia dan internet secara luas, kaedah operasi yang begitu mudah, berorientasikan pengguna, dan yuran penyenaraian yang kompetitif.

Pada peringkat permulaan operasinya, sokongan dan penyertaan syarikat pemastautin adalah bukan sahaja untuk menggalakkan aktiviti bursa dan menambahkan mudah tunai, malah membina keyakinan dan minat antarabangsa terhadap LFX. Sehubungan itu, firma sekuriti domestik harus dibenarkan menyertai LFX, sama ada sebagai penaja penyenaraian atau ejen urus niaga. Syarikat-syarikat Malaysia patut memberikan keutamaan kepada LFX apabila mereka merancang untuk menyenaraikan bon asing atau sekuriti lain di bursa antarabangsa.

Memandangkan LFX terbuka kepada peserta antarabangsa, ia boleh memainkan peranan serantau dengan menawarkan kemudahan bursa kepada negara-negara di rantau ini yang belum mempunyai bursa sendiri. Pada masa yang sama, LFX dapat digunakan sebagai satu lagi saluran bagi rakyat Malaysia yang ingin melabur di luar negara. LFX juga membuka peluang untuk institusi tempatan mengembangkan perniagaan antarabangsa mereka. Ketersediaan pelbagai produk dan perkhidmatan secara meluas akan menyumbang ke arah kecekapan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

Saranan 8.8:

Mempertingkatkan gerbang e-dagang (ECG)

IOFC perlu memanfaatkan perkhidmatan internet untuk menembusi pasaran global dengan cekap dan berkesan. ECG yang telah dilancarkan pada 23 November 2000, merupakan gerbang kewangan yang menyediakan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan, termasuk penentuan harga masa benar, yang boleh didapati di IOFC. Dengan infrastruktur elektronik dan persekitaran perniagaan yang menarik, pengusaha e-dagang di seluruh dunia digalakkan menubuh operasi di Labuan. Bila tiba masanya, gerbang ini akan dijadikan halaman e-dagang sepenuhnya dengan memberi tumpuan kepada produk berasaskan Islam, yang menyatukan pelbagai penyedia perkhidmatan berasaskan Islam. Perniagaan dan aktiviti perkhidmatan kewangan lain seperti rumah penjelasan untuk pembayaran kewangan, pasaran produk kewangan dan aktiviti sokongan operasi akan turut digalakkan.

ECG boleh juga dijadikan saluran untuk menghantar dokumen berkanun dan maklumat statistik kepada LOFSA, yang akan mengurangkan aliran dan pengendalian dokumen dalam bentuk fizikal di samping mempercepatkan pemprosesan.

Dengan jangkauannya yang meluas dan keupayaan multimedia, ECG juga dapat digunakan sebagai alat pemasaran. Maklumat mengenai produk dan perkhidmatan boleh disebarluaskan dan diakses oleh peserta pasaran dengan mudah. Walau bagaimanapun, seperti perniagaan bentuk tradisional, e-dagang perlu dikawal selia dengan sewajarnya. Bagi Labuan, perundangan bagi aktiviti tersebut haruslah tidak bersifat terlalu menyekat dan tidak pula terlalu longgar. Keseimbangan perlu dicapai antara kawalan yang keterlaluan sehingga menyebabkan perniagaan tidak berkembang, dan kawalan yang tidak mencukupi sehingga membolehkan aktiviti yang tidak diingini dijalankan.

Oleh itu, adalah wajar konsep berkembar Labuan dengan Koridor Raya Multimedia (MSC) dibangkitkan semula. Di bawah konsep ini, syarikat MSC akan menikmati kemudahan MSC di Labuan, sementara syarikat luar pesisir Labuan dapat menggunakan kemudahan MSC. Dengan ini, Labuan dapat meningkatkan penggunaan teknologi infrastrukturnya yang canggih yang tidak digunakan sepenuhnya pada masa ini. Memandangkan LFX menawarkan kemudahan penyenaraian dan perdagangan untuk syarikat MSC, penghubung ini patut dipanjangkan kepada institusi lain di Labuan di bawah program berkembar tersebut.

Saranan 8.9:

Memaksimumkan potensi Labuan IOFC dengan memajukan aktiviti ekonomi sampingan yang lain

Kemajuan industri luar pesisir untuk membangunkan Labuan perlu dilengkapkan dengan kemajuan sektor-sektor lain. Ia juga akan memaksimumkan potensi dan keupayaan Labuan dalam sektor ekonomi yang lain. Dalam hal ini, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan:

- **Labuan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan**
  Persekitaran yang nyaman dan menyenangkan, ditambah dengan kemudahan komunikasi berteknologi tinggi, kos operasi yang rendah dan tenaga kerja yang mahir, membuatkan Labuan berpotensi sebagai pusat pendidikan pilihan. Institusi pengajian tempatan dan luar negara akan digalakkan membuka cawangan di Labuan. Pada masa ini, Universiti Malaysia Sabah telah

menubuhkan Kampus Antarabangsa Labuan, yang memberi pengkhususan kepada kewangan luar pesisir dan multimedia dengan keupayaan menampung 6,000 pelajar. Untuk menjadi pusat pengajian bertaraf dunia, gabungan institusi pembelajaran dengan pihak swasta adalah perlu. Institusi latihan seperti Institut Latihan dan Penyelidikan BIMB (BIRT) dapat menyediakan input yang berguna dalam merangka sukatan pengajian perbankan Islam.

- **Labuan sebagai pusat pelancongan dan peranginan**
  Memajukan industri pelancongan di Labuan akan memberi kesan positif ke atas ekonomi tempatan dan industri luar pesisir. Kebanyakan pusat perniagaan luar pesisir lain berkembang hasil kejayaan industri pelancongan. Bagi Labuan, ianya dijadikan IOFC terlebih dahulu, justeru berdepan dengan cabaran untuk memajukan industri pelancongan dengan jayanya. Cadangan menjadikan Labuan sebagai destinasi golongan pesara adalah selaras dengan cadangan pembinaan padang golf 18-lubang dan rumah-rumah pesara. Pesara dari rantau ini dan serata dunia, akan tertarik untuk memiliki rumah di Labuan. Pakej Insentif Persaraan, meliputi status pemastautin tetap, harus ditawarkan kepada pesara golongan berada.

- **Labuan sebagai sebuah zon perdagangan bebas**
  Satu lagi langkah untuk menarik lebih banyak industri yang mempunyai nilai tambah yang tinggi dan memerlukan ramai tenaga kerja tanpa menyebabkan pencemaran alam sekitar, ialah memperkenalkan status bebas cukai kepada industri yang dikenal pasti, dan status zon perdagangan bebas diberikan semasa tempoh promosi selama dua tahun, berdasarkan 'tiba dahulu layan dahulu.'

- **Labuan sebagai pusat mesyuarat, seminar dan pameran (MICE)**
  Dengan adanya kemudahan telekomunikasi yang canggih, pusat seminar yang cemerlang, hotel bertaraf antarabangsa, institusi pengajian tinggi dan peserta kewangan utama, Labuan mempunyai segala-galanya untuk menjadi MICE. Institusi latihan seperti Institut Insurans Malaysia, Institut Bank-Bank Malaysia, dan BIRT akan digalakkan menganjur seminar dan kursus di Labuan bagi meningkatkan kesedaran terhadap IOFC.

- **Laluan keluar masuk Labuan**
  Paling penting, laluan keluar masuk Labuan perlu ditingkatkan pada kos yang berpatutan. Labuan memerlukan lebih penerbangan dari Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching, dan juga dari bandar-bandar utama di rantau ini seperti Singapura, Hong Kong, Tokyo, Taipei, Shanghai, Seoul, Manila dan Jakarta. Selaras dengan peranan Labuan sebagai IOFC, ia perlu mengamalkan dasar langit terbuka untuk meningkatkan akses.

Pendekatan Pelaksanaan

Pembangunan IOFC adalah merupakan agenda jangka panjang Kerajaan Malaysia. Pelaksanaan cadangan-cadangan di atas akan dilakukan secara berperingkat-peringkat sesuai dengan pelan jangka panjang tersebut. Kerajaan akan bekerjasama dengan pihak industri untuk memberikan sokongan yang diperlukan bagi proses tersebut. Kerajaan juga akan terus responsif dan menerima pakai pendekatan yang berorientasikan pasaran di samping mengamalkan konsep perundingan dan pendekatan proaktif dalam membangunkan Labuan IOFC.